

'Ketuk-ketuk Ramadan' Jabatan Bendahari Erat Ukhuwah Antara Kakitangan

Terakhir dikemaskini: Rabu, 21 Jun 2017 16:35 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 516

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



RABU, 21 JUN – Semangat gotong-royong antara kakitangan Jabatan Bendahari Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam menyediakan jamuan sempena program 'Ketuk-ketuk Ramadan' mampu mengeratkan lagi jalinan ukhuwah antara kakitangan

yang terlibat.

Program tahunan Jabatan Bendahari yang memasuki tahun kelima penganjurannya merupakan kemuncak kepada beberapa siri program yang berlangsung sepanjang bulan Ramadan, antaranya sesi tazkirah mingguan dan penyediaan juadah Iftar di Masjid UMS.

Menariknya, kakitangan bukan beragama Islam turut bersemangat mengambil bahagian dalam acara yang bermula seawal jam 9.30 pagi tadi di Perkarangan Aras 2, Blok Utara, Bangunan Jabatan Canselori.

Antara juadah yang disediakan ialah Nasi Tomato, Ayam Goreng Berempah, Ayam Masak Merah, dan minuman Laici Kang.

Juadah yang selesai dibungkus kemudiannya diagihkan kepada kakitangan UMS dari jabatan lain.